

19 MAY 2002
MIC-Perpaduan/I
SIKAP SALING MEMAHAMI JADI RAHSIA KESTABILAN MIC

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Sikap saling memahami di kalangan pemimpin atasan dan menganggap satu sama lain sebagai saudara merupakan rahsia yang membawa kepada kestabilan dan kematangan dalam MIC, kata presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Saya fikir suasana dalam parti adalah tenang dan ini disebabkan oleh persefahaman yang lebih baik di kalangan pemimpin parti...kami menganggap satu sama lain seperti saudara...kami tidak menyimpan perasaan di dalam hati," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Agung MIC di sini.

Katanya, hubungan kerja yang rapat di kalangan pemimpin atasan membolehkan parti itu mencapai banyak perkara termasuk meningkatkan status masyarakat India daripada sebuah masyarakat mundur kepada masyarakat kelas pertengahan.

Samy Vellu juga berkata parti itu berterima kasih kepada semua pemimpin cawangan, bahagian dan negeri kerana terlebih dahulu berunding dengan para pemimpin parti sebelum membuat sesuatu keputusan.

"Kita mahu semua pemimpin parti, tidak kira apa pangkat mereka, bersatu...kesemua 580,000 anggota mesti sentiasa bersatu bagi mencapai hasil," katanya.

Mengenai sistem merit bagi pengambilan pelajar ke universiti awam yang diperkenalkan pada tahun ini, Samy Vellu berkata beliau telah memaklumkan kepada anggota perwakilan bahawa perkara itu sedang dikaji oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan masyarakat India tidak perlu terlalu menurut perasaan mengenainya.

"Ini bukan masalah kekal, perdana menteri berkata kerajaan akan mengkaji perkara itu...saya akan bangkitkan isu ini sekali lagi pada mesyuarat Kabinet Rabu ini," katanya.

Selepas merasmikan perhimpunan agung MIC pagi ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita bahawa kerajaan akan mengkaji sistem merit itu.

Mengenai jumlah kaum India yang tidak banyak diambil berkhidmat dalam perkhidmatan awam, beliau berkata MIC telah membawa perkara itu kepada kerajaan dan ia sedang diteliti oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

-- BERNAMA
SR JK SP MOZ